BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 06/06/09

EMBARGO: Not for publication or broadcast before 1700 hours on Wednesday, 28 June 2006

Perkembangan Monetari and Kewangan Mei 2006
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

Pertumbuhan pembiayaan sektor swasta bersih berterusan

Pertumbuhan dalam pembiayaan sektor swasta berterusan pada bulan Mei. Pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.3% pada bulan itu. Pertumbuhan tahunan dalam pinjaman sistem perbankan terkumpul terus stabil pada kadar tahunan 8.9%, dengan pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan isi rumah masing-masing berkembang pada kadar tahunan 4.5% dan 13.8%.

Paras pinjaman tidak berbayar (NPL) sistem perbankan terus bertambah baik sementara permodalan kekal kukuh. Nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan menurun kepada 4.3%, sementara nisbah modal wajaran risiko meningkat kepada 12.8% pada akhir bulan Mei 2006.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 06/06/09

EMBARGO: Not for publication or broadcast before 1700 hours on Wednesday, 28 June 2006

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN MEI 2006

Pertumbuhan pembiayaan sektor swasta bersih berterusan

Pertumbuhan dalam pembiayaan sektor swasta berterusan pada bulan Mei. Pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.3% pada bulan itu. Pertumbuhan tahunan dalam pinjaman sistem perbankan terkumpul terus stabil pada kadar tahunan 8.9%, dengan pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan isi rumah masing-masing berkembang pada kadar tahunan 4.5% dan 13.8%.

Pada bulan Mei, dana kasar yang diperoleh sektor korporat melalui pasaran sekuriti hutang swasta meningkat kepada RM6.1 bilion (April: RM2.7 bilion). Dana itu diperoleh terutamanya oleh syarikat dalam sektor kewangan dan utiliti (syarikat berkaitan tenaga), sebahagian besarnya untuk membiayai aktiviti baru mereka dan untuk membiayai semula hutang yang sedia ada.

Institusi perbankan terus menaikkan kadar deposit tetap (FD) pada bulan Mei dan awal bulan Jun. Pada 15 Jun, kadar disebut purata bagi FD bank perdagangan meningkat antara 2 hingga 14 mata asas berbanding dengan akhir bulan April, dengan kenaikan yang paling ketara pada tempoh matang 6 bulan dan 9 bulan, masing-masing kepada 3.32% dan 3.45% (akhir April: masing-masing 3.21% dan 3.31%). Sementara itu, kadar pinjaman purata bank perdagangan meningkat kepada

6.51% pada akhir bulan Mei (akhir April: 6.42%), tetapi terus berada pada paras di bawah kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan. Kadar antara bank bagi kesemua tempoh matang terus stabil.

Pada tempoh 1 Mei – 27 Jun 2006, ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama. Penyusutan ringgit berbanding dengan dolar AS adalah selaras dengan trend umum mata wang serantau, yang terjejas akibat penurunan ekuiti dalam pasaran yang sedang berkembang baru-baru ini. Dolar AS pula menambah nilai berikutan peningkatan jangkaan pasaran bahawa kadar faedah tanda aras AS akan terus meningkat bagi membendung tekanan inflasi. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan rupiah Indonesia (5.2%), peso Filipina (1.6%) dan baht Thailand (0.8%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan renminbi China (1.7%), dolar Singapura (0.7%) dan won Korea (0.3%).

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Penguna (IHP), terus menurun kepada 3.9% pada bulan Mei (April: 4.6%). Faktor utama yang mendorong kadar inflasi yang lebih rendah ini ialah kenaikan kos pengangkutan yang lebih perlahan, yang terutamanya disebabkan berakhirnya kesan semakan menaik tambang teksi dan bas serta kenaikan harga runcit petrol dan diesel yang dilaksanakan pada bulan Mei 2005. Sementara itu, kadar kenaikan tahunan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat kepada 6.9% pada bulan April (Mac: 5.3%).

M3 atau wang secara luas berkembang pada kadar tahunan 6.1% pada bulan Mei. M1 atau wang secara kecil, yang merupakan baki urus niaga, pula berkembang pada kadar tahunan yang lebih tinggi sedikit, iaitu sebanyak 9.1% pada bulan itu, mencerminkan deposit permintaan perusahaan perniagaan yang lebih tinggi.

Paras pinjaman tidak berbayar (NPL) sistem perbankan terus bertambah baik sementara permodalan kekal kukuh. Nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan menurun kepada 4.3%, sementara nisbah modal wajaran risiko meningkat kepada 12.8% pada akhir bulan Mei 2006.

Kadar deposit tetap terus meningkat pada bulan Mei dan awal bulan Jun

Pada tempoh 2 Mei – 26 Jun, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat 3.46% - 3.50%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga terus stabil.

Institusi perbankan terus menaikkan kadar deposit tetap (FD) mereka pada bulan Mei dan awal bulan Jun. Pada 15 Jun, kadar disebut purata bagi FD bank perdagangan meningkat antara 2 hingga 14 mata asas berbanding dengan akhir bulan April, dengan kenaikan yang paling ketara pada tempoh matang 6 bulan dan 9 bulan, masing-masing kepada 3.32% dan 3.45% (akhir April: masing-masing 3.21% dan 3.31%). Dari segi kadar pinjaman, kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan stabil pada 6.72% pada 15 Jun selepas meningkat pada bulan Mei berikutan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada akhir bulan April. Sementara itu, kadar pinjaman purata (ALR) bank perdagangan meningkat kepada 6.51% pada akhir bulan Mei (akhir April: 6.42%), namun terus berada pada paras di bawah BLR purata bank perdagangan.



Kadar antara bank semalaman purata terus stabil pada bulan Mei dan Jun



Kadar antara bank lain juga terus stabil



BNM menyerap mudah tunai lebihan daripada sistem perbankan



BLR purata bank perdagangan meningkat pada bulan Mei dan stabil pada awal bulan Jun



Nisbah pinjaman-deposit dan pembiayaan-deposit meningkat sedikit pada bulan Mei memandangkan pinjaman terkumpul meningkat lebih cepat daripada deposit

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Apr 06	3.06	3.12	3.21	3.31	3.73
Mei 06	3.11	3.17	3.31	3.44	3.74
15 Jun 06	3.11	3.18	3.32	3.45	3.75

Kadar FD bank perdagangan terus meningkat pada bulan Mei dan awal bulan Jun

Kadar Deposit Tetap Benar 3 Bulan



Kadar FD 3 bulan benar meningkat kerana inflasi menurun dan kadar FD nominal meningkat

Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS

Pada tempoh 1 Mei – 27 Jun 2006, ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama. Penyusutan nilai ringgit berbanding dengan dolar AS adalah selaras dengan trend umum mata wang serantau, yang terjejas akibat penurunan ekuiti dalam pasaran yang sedang berkembang baru-baru ini. Dolar AS pula menambah nilai berikutan peningkatan jangkaan pasaran bahawa kadar faedah tanda aras AS akan terus meningkat bagi membendung tekanan inflasi. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan rupiah Indonesia (5.2%), peso Filipina (1.6%), baht Thailand (0.8%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan renminbi China (1.7%), dolar Singapura (0.7%) dan won Korea (0.3%).





Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Akhir tempoh				% Perubahan	
	Dis. 05	Apr. 06	Mei. 06	27 Jun 2006	Akhir Dis. 05 - 27 Jun 2006	Akhir Apr - 27 Jun 2006
Dolar AS	3.7800	3.6255	3.6290	3.6815	2.7	-1.5
Euro	4.4867	4.5415	4.6689	4.6403	-3.3	-2.1
Paun sterling	6.5226	6.5293	6.8298	6.7191	-2.9	-2.8
100 yen Jepun	3.2229	3.1696	3.2348	3.1711	1.6	-0.05
Dolar Singapura	2.2714	2.2905	2.3023	2.3069	-1.5	-0.7
100 baht Thai	9.2049	9.6564	9.5100	9.5835	-4.0	0.8
100 peso Filipina	7.1254	7.0011	6.8692	6.8910	3.4	1.6
100 rupiah Indonesia	0.0385	0.0413	0.0393	0.0393	-2.0	5.2
100 won Korea	0.3739	0.3831	0.3837	0.3841	-2.6	-0.3
Renminbi China	0.4686	0.4524	0.4522	0.4604	1.8	-1.7

Inflasi lebih rendah pada bulan Mei

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), terus menurun kepada 3.9% pada bulan Mei (April: 4.6%). Faktor utama yang mendorong kadar inflasi yang lebih rendah ini ialah kenaikan harga pengangkutan yang lebih perlahan,

yang terutamanya disebabkan berakhirnya kesan semakan harga menaik tambang bas dan teksi serta kenaikan harga runcit petrol dan diesel yang dilaksanakan pada bulan Mei 2005. Sementara itu, tekanan harga menaik bagi kategori makanan dan minuman bukan alkohol, restoran dan hotel, dan kesihatan diimbangi oleh harga pakaian dan kasut serta caj komunikasi yang terus menurun.



Bermula 2006, kumpulan "makanan" telah diklasifikasi semula kepada "makanan dan minuman bukan alkohol"

Inflasi terus pada trend menurun pada bulan Mei

Kadar kenaikan harga pengeluar meningkat pada bulan April

Kadar kenaikan tahunan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat kepada 6.9% pada bulan April (Mac: 5.3%). Kenaikan IHPR disebabkan terutamanya oleh harga yang lebih tinggi dalam kategori berkaitan komoditi, yang sebahagian besarnya kerana kenaikan harga minyak mentah dan getah yang lebih ketara. Tidak termasuk kategori berkaitan komoditi, IHPR mencatat kadar kenaikan yang lebih sederhana sebanyak 0.3% (Mac: 1%), disebabkan terutamanya kenaikan harga makanan dan binatang hidup yang lebih perlahan dan penurunan harga minyak dan lelemak binatang dan sayuran yang berterusan.



Kadar kenaikan IHPR yang lebih tinggi pada bulan April

Pertumbuhan pemberian pinjaman bank yang berterusan menyokong pengembangan wang secara luas

M1 atau wang secara kecil, yang merupakan baki urus niaga, berkembang pada kadar tahunan 9.1% pada bulan Mei (April: 9%), mencerminkan deposit permintaan perusahaan perniagaan yang lebih tinggi. Sementara itu, wang secara luas atau M3, meningkat pada kadar tahunan 6.1% (April: 7.2%). Pada asas bulanan, tuntutan terhadap sektor swasta, dan sebahagian kecilnya operasi luaran bersih, memberi kesan pengembangan terhadap M3. Tuntutan terhadap sektor swasta meningkat terutamanya kerana pinjaman terkumpul sistem perbankan yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kesemua faktor ini telah diimbangi sebahagiannya oleh tuntutan terhadap Kerajaan bersih yang lebih rendah. Ini disebabkan Kerajaan menyimpan perolehan daripada terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan penerimaan daripada bayaran cukai pendapatan, dengan Bank Negara Malaysia.

Penentu-Penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2004	**2005**	**Apr 06**	**Mei 06**
M3	68.0	49.7	7.0	2.1
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-15.9	-5.5	-1.8	-6.2
Tuntutan terhadap sektor swasta	30.6	44.6	3.9	6.0
Pinjaman	*39.8*	*45.0*	*3.1*	*5.0*
Sekuriti	*-9.2*	*-0.4*	*0.8*	*0.9*
Operasi luar negeri bersih *	82.0	16.5	9.6	1.7
Pengaruh lain	-28.7	-6.0	-4.8	0.6

* Sebelum penilaian semula rizab antarabangsa



Deposit sistem perbankan meningkat pada bulan Mei

Jumlah deposit dengan sistem perbankan meningkat RM1.8 bilion, atau pada kadar tahunan 7.7% pada bulan Mei (April: +RM2.2 bilion atau +9.6%). Peningkatan ini didorong terutamanya oleh penempatan deposit daripada perusahaan perniagaan domestik yang lebih tinggi, dan sebahagian kecilnya oleh penempatan deposit permintaan oleh pihak berkuasa berkanun. Terdapat pengeluaran deposit oleh institusi kewangan bukan bank untuk pembelian MGS. Dari segi deposit mengikut jenis, kenaikan dicerminkan oleh instrumen deposit boleh niaga, deposit tetap dan deposit skim perbankan Islam.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Feb 06	**Mac 06**	**Apr 06**	**Mei 06**
Kerajaan Persekutuan	-3,262	469	-173	-633
Kerajaan Negeri	897	568	255	-304
Badan Berkanun [1]	554	1,264	-1,814	862
Institusi Kewangan	5,651	6,090	2,850	-1,619
Perusahaan Perniagaan	6,131	-964	-751	4,221
Individu	3,120	1,088	1,808	-981
Lain-lain [2]	-3	142	32	221
Jumlah	13,089	8,657	2,207	1,767

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Feb 06	**Mac 06**	**Apr 06**	**Mei 06**
Deposit tetap	-2,835	7,272	5,437	1,795
NID	7,082	2,452	-3,271	3,761
Deposit permintaan	-1,126	-3,687	921	1,090
Deposit tabungan	562	-324	-128	-896
Perjanjian beli balik (Repo)	9,744	2,582	632	-5,053
Deposit mata wang asing	1,474	-268	-1,263	-423
Deposit SPI	-2,300	110	-578	1,718
Lain-lain	487	521	456	-225
Jumlah	13,089	8,657	2,207	1,767

Pertumbuhan pembiayaan sektor swasta bersih berterusan

Pada bulan Mei, pembiayaan kasar kepada sektor swasta daripada sistem perbankan dan pasaran modal lebih tinggi, berjumlah RM46.7 bilion (April: RM40.6 bilion). Kenaikan ini mencerminkan pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi dan terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) kasar yang bertambah pada bulan itu. Pada asas bersih, pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan 9.3% (April: 9.8%).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Pembiayaan sektor swasta kasar lebih tinggi pada bulan Mei

Permohonan, Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman



Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman meningkat…

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Pertumbuhan Tahunan (%)	
	April	Mei	April	Mei
Jumlah				
Permohonan pinjaman	22.6	26.2	-18.2	-4.0
Kelulusan pinjaman	14.4	16.3	0.1	-2.0
Pengeluaran pinjaman	38.2	41.9	-5.7	-3.5
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	3.0	5.4	8.9	8.9
Perusahaan perniagaan				
Permohonan pinjaman	11.0	12.9	-25.4	-13.4
Kelulusan pinjaman	5.9	7.5	-9.6	-6.2
Pengeluaran pinjaman	24.8	27.5	-8.7	-6.6
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	4.4	-0.4	5.8	4.5
PKS				
Permohonan pinjaman	6.1	6.6	t.b[2/]	t.b.[2/]
Kelulusan pinjaman	2.7	3.3	t.b.	t.b.
Pengeluaran pinjaman	8.1	11.1	t.b.	t.b.
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	0.4	1.0	t.b.	t.b.
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	10.7	12.4	-12.5	1.8
Kelulusan pinjaman	8.4	8.6	6.9	0.3
Pengeluaran pinjaman	13.1	13.6	14.3	15.9
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.7	3.3	13.9	13.8

t.b. tidak berkenaan

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Bermula pada bulan Mac 2006, pertumbuhan tahunan tidak berkenaan disebabkan terdapat pengelasan semula antara PKS dan perusahaan besar berikutan penerimaan pakai definisi standard PKS seperti yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan.

…merangkumi sektor perniagaan dan isi rumah



Pinjaman yang dikeluarkan kepada kebanyakan sektor utama lebih tinggi

Penunjuk utama pemberian pinjaman bank bagi sektor perniagaan dan isi rumah mencatat paras lebih tinggi pada bulan Mei. Dari segi pengeluaran pinjaman, jumlah yang disalurkan kepada sektor perkilangan dan pembinaan, dan untuk kredit penggunaan adalah lebih tinggi.

Pertumbuhan tahunan pinjaman terkumpul kekal stabil pada 8.9% pada akhir bulan Mei (akhir April: 8.9%). Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan mengembang pada kadar tahunan 4.5% (akhir April: 5.8%), sementara pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah meningkat pada kadar tahunan 13.8% (akhir April: 13.9%).

Aktiviti memperoleh dana dalam pasaran modal lebih pesat

Pada bulan Mei, jumlah dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal adalah lebih tinggi, iaitu sebanyak RM4 bilion. Dana diperoleh terutamanya oleh sektor awam melalui terbitan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) 5 tahun dengan dana kasar yang diperoleh sebanyak RM2.9 bilion. Dalam sektor swasta, dana kasar yang diperoleh sektor korporat melalui pasaran PDS meningkat kepada RM6.1 bilion. Dana diperoleh terutamanya oleh syarikat dalam sektor kewangan dan utiliti (syarikat berkaitan tenaga), sebahagian besarnya untuk membiayai aktiviti baru dan untuk membiayai semula hutang yang sedia ada. Selepas penyelarasan bagi penebusan, jumlah dana bersih yang diperoleh sektor swasta adalah sebanyak RM1.1 bilion pada bulan itu.



Pembetulan dalam pasaran ekuiti global menjejaskan prestasi KLCI pada takat yang kurang berbanding dengan pasaran serantau lain

Kebimbangan mengenai kadar faedah AS yang semakin meningkat dan tekanan inflasi global telah menyumbang kepada pasaran ekuiti global menjadi lemah. KLCI menurun kepada 927.78 pada bulan Mei (sejak akhir April: -2.3%). Permodalan pasaran merosot kepada RM727.3 bilion (sejak akhir April: -3.2%), sementara urus niaga purata harian berkurang kepada 1,172 juta unit (April: 1,227.2 juta unit).



Pembetulan dalam pasaran domestik lebih kecil berbanding dengan pembetulan dalam pasaran serantau lain

Pada 27 Jun, sentimen pasaran global terus lembap. KLCI ditutup lebih rendah pada 907.76 (sejak akhir Mei: -2.2%). Walau bagaimanapun, kejatuhan ini lebih rendah berbanding dengan kejatuhan yang dialami oleh pasaran serantau lain. Permodalan pasaran susut kepada RM714.5 bilion (sejak akhir Mei: -1.8%), manakala aktiviti urus niaga juga berkurang, dengan urus niaga purata harian pada 423.3 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia bersih berjumlah RM289.5 bilion atau bersamaan USD78.7 bilion pada 31 Mei 2006. Rizab berjumlah RM288.5 bilion atau bersamaan USD78.4 bilion pada 15 Jun 2006. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 8.1 bulan import tertangguh dan ialah 6.5 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Paras permodalan dan pinjaman tidak berbayar bertambah baik

Paras pinjaman tidak berbayar (NPL) sistem perbankan terus bertambah baik, sementara permodalan kekal kukuh. Nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan dan 3 bulan masing-masing menurun kepada 4.3% dan 5.6% pada akhir bulan Mei 2006, disebabkan terutamanya oleh peruntukan dan hapus kira yang lebih tinggi. Nisbah modal wajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras sistem perbankan meningkat, masing-masing kepada 12.8% dan 10.1%. Peningkatan yang kecil dalam nisbah-nisbah ini disebabkan terutamanya oleh terbitan bon subordinat yang baru serta pengambilkiraan keuntungan selepas akaun diaudit, dalam keadaan aktiviti pemberian pinjaman yang terus meningkat. Sementara itu, sebuah subsidiari perbankan Islam yang baru juga mula beroperasi pada awal bulan Mei.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh									
	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	Mac 06	Apr 06	Mei 06
Modal (%)										
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.4	10.7	10.0	10.0	10.1
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	14.4	13.6	13.1	12.7	12.8
NPL bersih (klasifikasi 6 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	6.4	6.3	8.1	7.5	6.8	5.8	4.6	4.5	4.4	4.3
Jumlah (RM juta)	23,849	24,700	32,833	31,702	30,766	28,590	24,468	24,354	24,245	23,912
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6 bulan, %)	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.
* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.



Paras permodalan sistem perbankan terus mapan…



…dalam keadaan paras NPL yang lebih rendah

Bank Negara Malaysia
28 Jun 2006

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Mac 06		Apr 06		Mei 06	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		54.1	6.9	54.1	5.0	53.3	4.7
M1		122.3	5.7	124.5	9.0	125.2	9.1
M2		636.6	15.2	641.7	16.1	644.0	14.8
M3		683.9	6.2	690.8	7.2	692.9	6.1
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		713.1	9.5	715.3	9.6	717.1	7.7
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		566.3	8.4	569.3	8.9	574.7	8.9
Nisbah pinjaman-deposit (%)		76.0		76.3		76.9	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		84.6		84.8		85.5	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		28.8	0.5	22.6	-18.2	26.2	-4.0
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		17.9	4.7	14.4	0.1	16.3	-2.0
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		46.5	-2.7	38.2	-5.7	41.9	-3.5
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		42.5	3.4	36.4	-10.6	37.2	-6.0
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.1		12.7		12.8	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		4.5		4.4		4.3	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		270.5		278.0		289.5	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		73.7		75.7		78.7	
Bilangan bulan import tertangguh		7.9		8.0		8.2	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.25		3.50		3.50	
Antarabank:	Semalaman	3.25 [3.25]		3.49 [3.27]		3.47 [3.48]	
	Seminggu	3.28 [3.28]		3.51 [3.29]		3.54 [3.54]	
	1 bulan	3.25 [3.33]		3.38 [3.38]		3.69 [3.73]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.03		3.06		3.11	
	3 bulan	3.06		3.12		3.17	
BLR bank perdagangan		6.47		6.58		6.72	
ALR bank perdagangan		6.29		6.42		6.51	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		103.4	4.8	103.4	4.6	103.6	3.9
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)		169.3	5.3	172.8	6.9	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.6860		3.6255		3.6290	
Euro		4.4829		4.5415		4.6689	
Paun Sterling		6.4337		6.5293		6.8298	
100 Yen Jepun		3.1397		3.1696		3.2348	
Dolar Singapura		2.2778		2.2905		2.3023	
100 Baht Thailand		9.4914		9.6564		9.5100	
100 Peso Filipina		7.2077		7.0011		6.8692	
100 Rupiah Indonesia		0.0407		0.0413		0.0393	
100 Won Korea		0.3781		0.3831		0.3837	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	0.5		1.7		2.9	
	swasta	2.3		1.3		1.1	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		926.6		949.2		927.8	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		732.9		751.0		727.3	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.